



Majlis Hari Raya Aidilfitri Kelab Warga Jerantut Lembah Klang (JKV) di pekarangan Rumah Tradisional Pahang di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia semalam disambut meriah dengan kehadiran lebih 500 tetamu.

## Sambutan raya JKV meriah

SERDANG- Majlis Hari Raya Aidilfitri Kelab Warga Jerantut Lembah Klang (JKV) di pekarangan Rumah Tradisional Pahang di Muzium Warisan Melayu, Universiti Putra Malaysia, Ahad lalu meriah dengan kehadiran lebih 500 tetamu.

Menurut Presiden JKV, Datuk Rozilan Salleh, selain juadah yang selalu dihidangkan ketika jamuan raya yang lain, lebih istimewa tetamu yang hadir dihidangkan dengan ikan patin masak tempoyak.

“Kita membawa tukang masak khas dari Jerantut yang memasak 50 ekor ikan patin tempoyak. Dalam

sekelip mata masakan itu diserbu pengunjung” katanya.

Menurut beliau, ini kali kedua JKV menganjurkan majlis Hari Raya selepas kali pertama tahun lepas yang dimeriahkan dengan keberangkatan Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Abdullah Sultan Haji Ahmad Shah.

Sempena program itu kelmarin, JKV turut membuat kutipan derma amal untuk diserahkan kepada bekas pemain bola sepak remaja Pahang, Abdul Jalil Manan yang kini lumpuh.